

Marah kekasih menipu

Pemuda kini tidak pasti mahu meneruskan hubungan percintaan

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
rencana@hmetro.com.my

minta bukti laporan polis itu dia berdolak-dalik. Dia memberitahu keluarganya tidak tahu mengenai perkara itu.

Akhirnya teman wanita memberitahu dia tidak membuat laporan itu kerana takut keluarganya malu.

Akhirnya dia mengaku dia memang tidak pernah membuat laporan. Semakin hari saya semakin serba salah dengan hubungan kami. Saya tahu dia berbohong kerana tidak mahu ditinggalkan.

Hati saya semakin marah kerana pembohongannya, malah ia semakin membara apabila melihat dia mula membuat perangai.

Saya ada hasrat untuk berkahwin dengannya, namun dalam keadaan ini bagaimana kami mahu hidup bersama.

Memang ramai lagi perempuan di luar sana yang boleh dipilih tapi apakah daya saya masih cintakan teman wanita.

Bagaimana mahu saya lupakan kisah teman wanita itu?

INSAN LEMAH,
Kelantan

! Terima kasih kerana sudi berkongsi masalah di ruangan ini. Harap adik dalam keadaan sihat dan sejahtera.

Berhubung isu diutarakan, Dr faham adik masih ragu-ragu dengan pilihan hati untuk dijadikan pasangan hidup. Ia berikutan ketidakjujuran gadis itu berhubung kes rogol.

Dalam situasi ini, Dr yakin adik sendiri boleh memahami tujuan atau sebab mengapakah dia bertindak sedemikian. Pengalaman dirogol bukanlah satu perkara mudah untuk dilupakan berikutan membabitkan maruah diri juga keluarga.

Sebagai teman istimewa, adik seharusnya memberi semangat untuk dia meneruskan kehidupan tanpa mengenang peristiwa pahit itu.

Dr memahami niat baik adik yang ingin menuntut pembelaan terhadap jenayah seksual berkenaan. Namun, sama ada melaporkan atau tidak, itu adalah pilihannya sendiri.

Malah, pada perkiraan Dr adalah tidak berbaloi adik menjadikan isu ini sebagai sebab kemarahan atau dendam. Dr tidak pasti jika perasaan marah atau dendam itu disebabkan perkara lain yang tidak dinyatakan di sini.

Di sini Dr ingin menyuarakan kepada adik meredakan perasaan negatif itu dengan menganggap perasaan itu sebagai racun yang akan menjadi barah yang sukar diubati. Hanya adik yang boleh mengawal diri mengenai emosi itu.

Sebagai manusia kerdil, bukanlah kuasa kita mengawal orang sekeliling untuk mengikut rentak yang kita ingini. Tambahan pula, adik masih mencintai teman wanita dan berniat mengahwininya kelak.

Perasaan cinta boleh melahirkan sifat memaafkan jika benar adik ikhlas terhadap dirinya. Malah, perasaan cinta adalah mengenai kemampuan kita untuk menerima kekurangan dan kelebihan diri orang tersayang.

Akhirnya, jika adik merasakan kesukaran untuk melupakan peristiwa yang pernah dialami kekasih, lebih sukar lagi bagi dia untuk menghapuskan ingatannya terhadap pengalamannya pernah dirogol.

Seperti yang Dr nyatakan, adik boleh menjadi kekuatan untuk dirinya menghadapi situasi ini. Ia akan mudah untuk dilupakan jika adik yakin kisah silam bukanlah penentu kepada kebahagiaan dan kejayaan seseorang.

Ini kerana, masa sekarang adalah lebih pen-

ting untuk difikirkan kerana kita mudah untuk mengawalnya berbanding masa lalu yang tidak boleh diubah.

Dr mendoakan adik mampu untuk menghadapi semua ini dengan tenang. Adik perlu memperbanyakkan doa kepada Allah supaya hubungan adik dengan teman istimewa berjalan lancar dan dipermudahkan untuk menjalin hubungan diredai sebagai suami isteri.

Dilema wanita terdesak

! Saya wanita berusia awal 20-an yang bekerja di sektor kerajaan. Begitu juga dengan teman lelaki. Saya ingin sekali mengikat tali perkahwinan untuk mengelak dosa.

Baru-baru ini adik saya dipinang teman lakinya dan mungkin akan bertunang pada raya tahun depan manakala teman lelaki saya belum mahu berkahwin lagi dengan memberi pelbagai alasan.

Saya sudah banyak kali mengajaknya berkahwin namun dia tetap tidak mahu. Saya ingin berkahwin awal kerana merasakan hidup sudah lengkap.

Masing-masing mempunyai sebuah kereta dan kewangan mencukupi. Memandangkan terlampau mendesak dan hubungan kami seperti telur di hujung tanduk, saya mengambil keputusan untuk sambung belajar.

SANGAT TERTEKAN,
Perlis

! Perbanyakkan istighfar. Adik banyak menumpukan kepada pemikiran negatif seperti hendak melakukan perkara terlarang di sisi agama.

Pemikiran seperti ini memang wujud pada setiap manusia, namun ia bukanlah untuk dipenuhi.

Adalah penting untuk adik tidak membandingkan apa yang dimiliki dengan apa yang menjadi milik orang lain. Sesungguhnya, sudah tertulis rezeki, jodoh dan ajal maut kita masing-masing.

Berkenaan dengan jodoh yang masih menjadi tanda tanya pada diri adik yang masih belum berkahwin,



atau sahabat baik. Ini bermaksud, adik perlu merenung nikmat yang adik miliki

menyebabkan adik sampai ke tahap ini. Mem-bunuh diri bukanlah satu pilihan yang tepat dan membawa diri keluar daripada masalah. Ia akan menambahkan lagi beban apabila adik berhadapan dengan alam kubur yang tiada lagi peluang untuk bertaubat atas dosa dan kesalahan dilakukannya.

Berfikir panjang sebelum mengambil apa-apa tindakan. Dr memuji adik mempunyai hasrat untuk melanjutkan pelajaran sebelum ini. Namun apa yang Dr fahami,

adik mengambil keputusan untuk menjadi pelajar kerana ingin melupakan isu perkahwinan.

Dr mengira ia tidak tepat dan adik disarankan untuk memperbetulkan semula niat untuk sambung belajar sebelum ini. Bagi Dr, tanggungjawab sebagai pelajar satu tanggungjawab yang perlu diberikan perhatian serius kerana ia membabitkan perkara menuntut ilmu.

Di sini, Dr ingin tegas agar adik lebih mendekatkan diri kepada Allah. Perbanyakkan beramal ibadat dan menghadiri majlis ilmu untuk memantapkan lagi pengetahuan agama. Allah yang menguji kita dengan mendatangkan ujian, maka penyelesaiannya juga datang daripada Allah yang menciptakan kita semua.

Selamat maju jaya Dr ucapkan dan semoga dapat menghadapi kehidupan ini dengan lebih tenang.